



STRATEGIES FOR DEALING WITH WORKPLACE PROBLEMS

Lee Su Teng, Harlida Abdul Wahab, Ong Lin Dar, Rosmawani Che Hashim & Yong Chen Chen, 2022
ISBN 978-967-0031-13-2, 190 pages RM40.00

This book is about managing the employees' well-being. It discusses problematic employees and ways to improve safety in the workplace. It addresses employees' common poor behaviour, including those who go absent without official leave (AWOL), are impolite, miss deadlines, damage the teams' morale, and are costly to the organisation. Fortunately, not all problematic employees are futile. This book helps employers identify, change, and manage them legally to avoid a costly lawsuit. At the end of the book, there will be a practical guide to enhancing safety and health in the workplace. This book is designed to provide readers with an honest and comprehensive explanation of relevant employment law and a practical, hands-on guide on dealing with problematic employees while maintaining a safe and healthy work environment.



APLIKASI DAN PENYELESAIAN ISLAM: ISU KONTEMPORARI PANDEMIK COVID-19

Editor: Mohamad Khadafi Hj Rofie, Norazita Marina Abdul Aziz & Syahrina Abdullah, 2022
ISBN 978-967-0031-19-4, 234 hlm., RM40.00

COVID-19 yang melanda dunia dan Malaysia khususnya mempengaruhi dan mendatangkan pelbagai isu dan permasalahan dalam penghidupan manusia sejagat. Secara tidak langsung, wabak ini terkait dengan cara dan sistem kehidupan umat Islam di Malaysia yang meliputi sektor sosial, ekonomi dan persekitaran serta prosedur peribadatan. Buku ini mewacanakan isu dan permasalahan serta penyelesaian menurut perspektif Islam. Buku ini turut membincangkan beberapa topik penting terdiri dari aspek ibadah, sosial, kesihatan dan sebagainya.

Pada masa krisis COVID-19 melanda, berlaku perubahan yang ketara daripada aspek pengurusan dan pelaksanaan ibadah yang meliputi akidah, ibadah khusus, ekonomi, keusahawanan, sosial, pendidikan dan kesihatan dalam kalangan masyarakat. Oleh hal yang demikian, buku ini sesuai dimiliki sebagai bahan rujukan dan panduan dalam menyelesaikan isu yang berkaitan wabak dari perspektif Islam. Isu, permasalahan dan penyelesaian yang dibincangkan oleh para sarjana mengikut kepakaran bidang tujuan masing-masing. Wacana berkaitan isu, permasalahan serta aplikasi dan penyelesaian secara Islam ini perlu menjadi perhatian pembaca melalui pembentukan kerangka konseptual Islam yang pragmatik.



PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH MURID ORANG ASLI: CABARAN DAN PENCAPAIAN

S. Kanageswari Suppiah Shanmugam, Yus'aiman Jusoh @ Yusoff, Arsaythamby Veloo, Ruzlan Md Ali & Rosna Awang Hashim, 2022
ISBN 978-967-0031-11-8, 132 hlm., RM30.00

Pendidikan untuk murid Orang Asli di sekolah rendah menuntut perhatian yang serius daripada masyarakat. Latar belakang dan cabaran murid Orang Asli tidak sama dengan murid yang lain kerana keunikan dan ciri mereka yang tersendiri. Oleh itu, pedagogi pengajaran dan pembelajaran mereka semestinya digubal dan dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan khusus mereka.

Matematik menjadi mata pelajaran yang penting di sekolah bagi murid Orang Asli. Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran Matematik yang sesuai perlu diterapkan supaya ia mencapai hasil yang diharapkan. Sehubungan dengan itu, satu Glosari Tribahasa yang melibatkan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Temiar turut dimuatkan di dalam buku ini.



MALAYSIA-INDONESIA: PERBEZAAN IDENTITI DALAM HUBUNGAN SEBANGSA

Editor: Kamarulnizam Abdullah, Evi Fitriani, Junaenah Sulehan & Rahim Anuar, 2022
ISBN 978-967-0031-17-0, 255 hlm., RM40.00

Buku *MALAYSIA-INDONESIA: Perbezaan Identiti dalam Hubungan Sebangsa* secara umumnya cuba memahami hubungan dua buah negara sebangsa ini dari perspektif sejarah, politik dan hubungan antarabangsa, ekonomi dan perdagangan, media dan komunikasi, dan keselamatan serantau. Tidak dinafikan, banyak pendekatan lain dapat diketengahkan dalam membincangkan hubungan yang kompleks. Nukilan buku pada masa akan datang mungkin boleh menyentuh hubungan ini dari perspektif dan pendekatan yang berbeza. Yang lebih penting ialah penulisan ilmiah tentang aspek ini perlu ditingkatkan bagi memperjelas kedinamikan dan keunikan hubungan negara yang berjiran ini.



MENYINGKAP KONSEP RASUAH

Editor: Khadijah Mohamed & Yusramizza Md Isa @ Yusuff, 2022

ISBN 978-967-0031-18-7, 165 hlm., RM35.00

Karya ini membincangkan definisi dan konsep rasuah yang turut mencakupi aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya. Lapan bab yang dimuatkan dalam karya ini:

1. Makna dan Konsep Rasuah dalam Pemikiran Melayu
2. Konsep Rasuah Menurut Undang-Undang di Malaysia
3. Fenomena Rasuah dalam Konteks Sejarah Peradaban–Ketamadunan Manusia
4. Bentuk Rasuah
5. Teori Berkaitan Rasuah
6. Teori Rasuah dari Sudut Ekonomi
7. Rasuah dalam Sektor Swasta: Satu Tinjauan Perundangan
8. Skandal Tadbir Urus dalam Kalangan Syarikat Tersenarai di Malaysia: Satu Kajian Kes

Bagi memangkinkan kefahaman dan kejelasan pembaca tentang tafsiran, teori serta aspek penting yang bersangkutan dengan rasuah, buku ini dikupas dengan terperinci. Buku ini juga turut mendukung dan menegaskan bahawa rasuah sebagai suatu masalah yang perlu ditangani secara konsisten. Sebuah penulisan yang dihasilkan melalui gaya pengolahan yang mudah difahami dan sesuai dimiliki oleh segenap kategori pembaca sama ada penggubal polisi, pengamal undang-undang, ahli akademik, pelajar ataupun orang awam.




BANTUAN DEMOKRASI JEPUN KE MALAYSIA: PENSTABILAN BUKAN PENDEMOKRASIAN

Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha Ismail, 2022

ISBN 978-967-0031-05-7, 204 hlm., RM38.00

Isu bantuan demokrasi merupakan isu yang meluas dipolemikkan di Malaysia sejak sekian lama. Namun, perhatian banyak tertumpu kepada promotor demokrasi berprofil tinggi seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jerman. Buku ini cuba merungkai peranan yang dimainkan oleh Jepun yang merupakan antara aktor utama dalam kalangan promotor demokrasi berprofil rendah. Data yang ditunjukkan oleh pangkalan data rasmi mengenai bantuan demokrasi, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) menunjukkan bahawa Jepun berada di tangga kedua selepas AS sebagai penyalur bantuan demokrasi terbesar ke Malaysia. Data ini mendorong pertanyaan, di sebalik sumbangan yang relatifnya besar ini, apakah sebenarnya bentuk dan tumpuan bantuan demokrasi yang disalurkan oleh Jepun ke Malaysia? Apakah motivasi dan pertimbangan yang digunakan oleh Jepun? Apakah impak yang dikenakan oleh bantuan demokrasi ini dalam memajukan pendemokrasian di Malaysia?

Buku ini menghujahkan bahawa angka yang dipaparkan dalam data OECD tidak mencerminkan reputasi sebenar Jepun dalam konteks promosi demokrasi di Malaysia. Bersesuaian dengan kedudukan Jepun sebagai promotor demokrasi yang berhati-hati, kajian ini mendapati bahawa bantuan demokrasi Jepun ke Malaysia didominasi oleh penyaluran kepada sektor serasi-rejim khususnya reformasi pentadbiran dan juga sektor keselamatan ataupun apa yang lebih sesuai dipanggil sebagai bantuan tadbir urus. Jepun didapati lebih mengambil pendekatan untuk menstabilkan demokrasi berbanding dengan membantu proses pendemokrasian. Hal yang sama turut terlihat dalam memperkatakan peranan aktor bukan negara Jepun. Dengan mengambil contoh dua promotor terbesar iaitu Nippon Foundation dan Sasakawa Peace Foundation, kedua-dua organisasi dilihat lebih memainkan peranan akomodatif dan melengkapkan peranan kerajaan Jepun menerusi diplomasi laluan kedua.



GUNUNG TAMBUYUKON: KEMBARA UMPAMA MENGANYAM KELARAI

Norzaliza Haji Ghazali, Mohd Raime Ramlan, Mohd Shamrie Sainin, Md Hairi Md Hussain & Mohd Fauzwadi Mat Ali, 2022

ISBN 978-967-0031-15-6, 123 hlm., RM30.00

Gunung Tambuyukon: Kembara Umpama Menganyam Kelarai ini sarat dengan catatan garis masa pendakian, pengalaman, kejadian, maklumat dan perincian pendakian. Selain itu, terdapat juga banyak petua berguna untuk bakal persediaan pendaki yang ingin menawan Gunung Tambuyukon dan diselit dengan motivasi dan dakwah sebagai nilai tambah catatan pendakian ini.

Kesungguhan dan disiplin yang tinggi adalah kunci penting menjayakan misi pendakian ke Gunung Tambuyukon. Semoga karya ini menjadi salah satu panduan atau rujukan dalam perancangan mendaki mana-mana gunung khususnya Gunung Tambuyukon dan memberi semangat kepada generasi muda untuk menceburi aktiviti pendakian sebegini.